



GARIS PANDUAN

PENGUNAAN HOS MAYA

DI UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

GARIS PANDUAN PENGGUNAAN HOS MAYA DI UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

SUSUNAN GARIS PANDUAN

Perenggan

1. Tujuan
2. Tafsiran dan Interpretasi
3. Skop
4. Penggunaan Hos Maya
5. Lain-Lain

GARIS PANDUAN PENGGUNAAN HOS MAYA DI UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

1.0 TUJUAN

Tujuan Garis Panduan ini adalah untuk menerangkan perkara-perkara yang perlu dipatuhi mengenai penggunaan Hos Maya di UTeM.

2.0 TAFSIRAN DAN INTERPRETASI

2.1 Dalam Garis Panduan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

"Garis Panduan" ertinya Garis Panduan Penggunaan Hos Maya di Universiti Teknikal Malaysia Melaka;

"Hos Maya" ertinya penyedia perkhidmatan tapak Web dan aplikasi berasaskan web yang merangkumi fungsi *server* dan perkhidmatan sambungan Internet

"pemohon" ertinya Pusat Tanggungjawab, Fakulti, Jabatan, staf dan pelajar UTeM

"pengguna" ertinya:-

- a) staf - mana-mana orang yang diambil kerja oleh UTeM sama ada secara tetap, kontrak, sementara, sambilan, dan termasuk seseorang yang berkhidmat di UTeM secara pinjaman; dan
- b) pelajar - seseorang yang mendaftar sesuatu program akademik (sama ada penuh atau separuh masa atau siswazah) di UTeM dan statusnya masih aktif.

"pengguna luar" ertinya pengguna luar selain pengguna;

"penyelaras" ertinya staf yang dilantik oleh PPPK dan bertanggungjawab terhadap pentadbiran dan pengurusan maklumat tapak yang dihoskan.

"PPPK" ertinya Pusat perkhidmatan Pengetahuan dan Komunikasi UTeM;

"PTj" ertinya Pusat Tanggungjawab yang terdiri daripada Pejabat/Fakulti/Institut/Pusat atau apa-apa jua nama ia disebut; dan

"UTeM" bermaksud Universiti Teknikal Malaysia Melaka.

2.2 Interpretasi

- a) Mana-mana perkataan dalam bentuk tunggal adalah termasuk juga yang majmuk dan sebaliknya.
- b) Pada bila-bila masa Garis Panduan ini merujuk setiap hari dalam kalendar, apa-apa angka atau nombor tersebut hendaklah dirujuk kepada hari-hari dalam kalendar Gregorian.
- c) Tajuk-tajuk dan tajuk-tajuk kecil dalam Garis Panduan ini dimasukkan bertujuan untuk memudahkan rujukan sahaja dan tidak boleh dibuat pertimbangan dalam mentafsirkan Garis Panduan ini.
- d) Lampiran-lampiran yang dirujuk di dalam Garis Panduan ini (jika ada) hendaklah diambil, dianggap, dibaca dan ditafsirkan sebagai bahagian yang penting kepada Garis Panduan ini.

3.0 SKOP

Hos Maya merangkumi sistem komputer *server* (perkakasan dan perisian) yang dibangun atau disediakan oleh pengguna yang dibenarkan.

4.0 PENGGUNAAN HOS MAYA

Pengguna hendaklah mematuhi perkara-perkara berikut:-

- a) Setiap permohonan tapak hos perlulah membuat permohonan secara rasmi kepada pengarah PPPK melalui ketua jabatan masing-masing 2 minggu sebelum tapak hos disediakan.
- b) Setiap perkhidmatan *hosting* akan mempunyai dua orang penyelarar yang bertanggungjawab terhadap pentadbiran dan pengurusan maklumat tapak yang dihoskan.
- c) Pemohon/penyelaras PTj bertanggungjawab terhadap penggunaan tapak yang dihoskan, khususnya terhadap maklumat yang disebarkan secara elektronik melalui laman web atau aplikasi mereka dan mempunyai *backup* terhadap segala maklumat yang dihoskan.
- d) Pemohon/penyelaras PTj perlu mematuhi peraturan dan garis panduan yang ditetapkan dalam Dasar ICT UTeM.
- e) Sebarang masalah capaian tapak hos hendaklah dirujuk kepada PPPK untuk tindakan selanjutnya.
- f) Pemohon/penyelaras PTj bertanggungjawab sepenuhnya untuk kandungan laman web yang diletakkan di dalam tapak hos.
- g) Pemohon/penyelaras PTj perlu mengamalkan pengkodan selamat (*secure coding*) untuk memastikan keselamatan laman web.

- h) Pemohon/penyelaras PTj bertanggungjawab untuk melindungi kata laluan yang diberikan oleh PPPK.
- i) Pemohon/penyelaras PTj perlu memantau versi bahasa pengaturcaraan dan *content management system engine* (jika berkenaan), dan menaikkan taraf versi sekiranya terdapat masalah keselamatan dan kelemahan. PPPK mempunyai hak untuk menutup laman web ini jika tiada tindakan diambil untuk menangani kelemahan yang ada.
- j) Pemohon/penyelaras PTj bertanggungjawab sepenuhnya untuk proses pembangunan laman web mereka.
- k) Pentadbir berhak menyekat capaian pemohon/penyelaras PTj ke tapak hos jika didapati melanggar peraturan ditetapkan dalam Dasar ICT UTeM atau sebarang aktiviti yang boleh mendatangkan kerosakan pada sistem dan operasi server. (contoh: penyebaran virus)
- l) Fail-fail yang mempunyai *extension* berikut : .exe, .cmd, .bat, .mov, .avi, .mp3, .mp4, .mpeg, .mpg, .wav, .rm, .ram, .rmx, .asf, .wmf, .wmp, dan .zip dan fail yang mempunyai kapasiti melebihi 1 megabyte perlu mendapatkan kebenaran daripada pentadbir. Fail-fail yang tidak mendapat kebenaran akan dibuang secara automatik tanpa sebarang notis sekiranya dijumpai dalam tapak yang dihoskan.
- m) Jika didapati bahawa sumber maklumat UTeM telah disalahgunakan atau tidak mengikut polisi yang ditetapkan, PPPK boleh menghadkan atau memansuhkan akses kepada tapak hos tersebut.

5.0 LAIN-LAIN

- 5.1 Garis Panduan ini adalah tertakluk kepada dasar, pekeling, surat pekeling, kaedah, Garis Panduan, dan undang-undang lain yang berkaitan yang berkuat kuasa.
- 5.2 Garis Panduan ini adalah tertakluk kepada pindaan oleh pihak UTeM dari semasa ke semasa.